



GARIS PANDUAN PERANCANGAN PAPAN IKLAN LUARAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BIL 3/2023

Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa
Perancangan Bandar Bil 4/2023:

10 April 2023

Pengesahan Mesyuarat Penuh
MBSJ Bil 4/2023:

18 April 2023

Tarikh Berkuatkuasa:

18 April 2023

Per.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0	TUJUAN	1
2.0	PENGENALAN	1
2.1	Definisi	1
2.2	Fungsi Garis Panduan Iklan Luaran	1
3.0	UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN	2
3.1	Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)	2
3.2	Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)	2
3.3	Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984	2
3.4	Undang-Undang Kecil Iklan (MPSJ)	2
4.0	JENIS-JENIS PAPARAN IKLAN LUARAN YANG DIBENARKAN	2
4.1	Iklan Billboard, Minipole dan Unipole	2
4.1.1	Saiz Papan Iklan	2
4.1.2	Pengukuran Jarak Antara Papan Iklan Yang Dibenarkan	3
4.1.3	Saiz, Anjakan dan Jarak Dari Simpang Jalan	4
4.1.4	Zon Guna Tanah Yang Dibenarkan Dengan Kawalan	5
4.2	Iklan di bumbung bangunan	6
4.3	Iklan di dinding	7
4.4	Iklan Building Wrap	8
4.5	Iklan Digital / Elektronik / Light Emitting Diode (LED)	10
4.6	Iklan di Jejambat	11
4.7	Iklan di Jejantas	12
4.8	Iklan Spectular Gantry	12
4.9	Iklan Gantry	13
4.10	Iklan Pillar/Tiang/Colum Wrap Pada LRT/MRT/BRT	13
4.11	Iklan Projecting Sign	14
4.12	Iklan Kain Rentang / Poster /Bunting	15
4.13	Iklan Pagar	15
4.14	Iklan Perabot Jalan	16
4.15	Iklan Light Box	17
4.16	Iklan Bercahaya (Lumi) di Pillar/Colum Wrap Pada LRT/MRT/BRT	18
5.0	POLISI KERAJAAN NEGERI BERHUBUNG PAPARAN IKLAN LUARAN	19

6.0	GARIS PANDUAN PEMASANGAN PAPARAN IKLAN LUARAN	19
6.1	Penentuan lokasi	19
6.1.1	Aspek Keselamatan Awam / Pengguna Jalanraya	19
6.1.2	Aspek Kualiti Persekitaran dan Nilai Astetik	20
6.1.3	Aspek Keselesaan Awam	25
6.2	Visual Pengiklanan	25
7.0	PAPARAN IKLAN DIGITAL / ELEKTRONIK / LED	27
7.1	Paparan	27
7.2	Kecerahan	27
7.3	Tempoh Paparan	28
7.4	Tempoh Peralihan	28
7.5	Kuantiti Maklumat	29
7.6	Penggunaan Warna	29
7.7	Keperluan Paparan Mesej Sivik	29
8.0	KAEDAH MEMPROSES PERMOHONAN	30
8.1	Kebenaran Merancang	30
8.1.1	Tanah Kerajaan (TOL Majlis)	30
8.1.2	Tanah / Dinding Bangunan Persendirian / Rizab Persekutuan	31
8.2	Lain-lain Permohonan	32
8.3	Pematuhan Kepada Syarat-Syarat Kelulusan	32

PENGHARGAAN

Jabatan Perancangan Bandar, MBSJ ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan oleh Pengurusan Tertinggi, Ahli-ahli Majlis, semua jabatan teknikal, semua pegawai, kakitangan MPSJ dan mana-mana individu yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbang tenaga dan idea bagi menjayakan penghasilan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luaran Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil 3/2023.

Jabatan-jabatan yang terlibat adalah seperti berikut:

- Jabatan Kejuruteraan, MBSJ
- Jabatan Undang-Undang, MPSJ
- Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBSJ
- Jabatan Pelesenan, MBSJ
- Jabatan Bangunan, MBSJ

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan memastikan pemasangan paparan iklan luaran di Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengambilkira aspek keselamatan awam, keseimbangan visual, keselesaan, nilai estetik dan reka bentuk bandar. Ianya juga bertujuan untuk membantu syarikat pengiklanan, jabatan/agensi teknikal luaran dan dalaman MBSJ dan mana-mana pihak yang berkaitan untuk melibatkan diri di dalam pengiklanan di kawasan pentadbiran MBSJ.

2.0 PENGENALAN

2.1 Definisi

Menurut Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Iklan ditasfirkan sebagai “apa-apa pemberitahuan, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan, mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, tred, perniagaan, profesion, firma, perbadanan, organisasi, institusi, tempat, premis, peristiwa, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain, di atas apa-apa papan dinding, kekotak elektronik, papan, bumbung, dinding, tonggak, dawai, salutan atau mana-mana bahagiannya, di atas atau di dalam mana-mana bangunan, jalan atau tempat peranginan awam, tempat tumpuan awam, di atas mana-mana tanah, termasuklah tanda langit, belon, banting, sepanduk, poster, tanda arahan dan papan tanda tetapi tidak termasuk suatu iklan pilihanraya”.

2.2 Fungsi Garis Panduan Iklan Luaran

Fungsi garis panduan papan iklan luaran adalah seperti berikut:

- a. Digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara seragam di dalam memproses permohonan bagi pemasangan papan iklan luaran di kawasan MBSJ.
- b. Digunakan oleh agensi yang terlibat khusus Pihak Berkuasa yang terlibat dengan jalan serta infrastruktur lain di dalam menilai sesuatu permohonan bagi pemasangan papan iklan luar.
- c. Membantu agensi teknikal luaran dan dalaman MBSJ serta industri pengiklanan untuk mengetahui kehendak yang perlu dipatuhi di dalam pemasangan papan iklan luaran.

3.0 UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN

3.1 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)

Seksyen 19 (1) – tiada seorang pun, selain Pihak Berkuasa Tempatan, boleh mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya di bawah seksyen 22 atau dilanjutkan di bawah subseksyen 24 (3).

3.2 Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Seksyen 70(1) – tiada seorang pun boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

3.3 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984

UUK 19(2) – Suatu permit sementara boleh dikeluarkan mengikut budi bicara pihak berkuasa tempatan bagi mendirikan sesuatu bangunan sementara dan hendaklah tertakluk kepada kesemua atau sebahagian daripada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Undang-Undang Kecil ini.

3.4 Undang-Undang Kecil Iklan (MBSJ)

UUK 7 – Tiada seorang pun boleh mempamerkan iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang memberikan lesen.

4.0 JENIS-JENIS PAPARAN IKLAN LUARAN YANG DIBENARKAN

4.1 Iklan Billboard, Unipole dan Minipole

- a. Billboard 1 dan 2 muka vertical dan horizontal
- b. Unipole (1, 2 Dan 3 Muka)
- c. Minipole (1, 2 Dan 3 Mula)

Maksimum Tinggi 100' (Aras Tanah ke Hujung Struktur Atas)
Tidak menghalang Laluan Pejalan Kaki /Sikal.

4.1.1 Saiz Papan Iklan

a. Lima (5) jenis dan saiz papan iklan yang di benarkan iaitu :-

- | | |
|---|-----------------------|
| 1. Unipole (Tinggi x Lebar)
60' x 40' – Vertical
20' x 60' | } Kebenaran Merancang |
| 2. Minipole (Tinggi x Lebar)
40' x 30' – Vertical
10' x 40' | |
| 3. Billboard (Tinggi x Lebar)
30' x 20' – Vertical
10' x 30' - Horizontal | |
4. Lamp-post/lightbox (4' x 6') – Permit Sementara
5. Bagi papan iklan LED, semua permohonan dikenakan kebenaran merancang kecuali Iklan Premis Kedai Pejabat.
- b. Billboard (dibenarkan 2 mukaan) dan Unipole dan Minipole (dibenarkan 1, 2 dan 3 mukaan) berbentuk menegak dan melintang.
- c. Bagi papan iklan selain Billboard dan Unipole perlu mengemukakan Kebenaran Merancang bagi cadangan papan iklan yang bersaiz 20' x 10' (200 kaki persegi) dan ke atas.


4.1.2 Pengukuran Jarak Antara Papan Iklan Yang Dibenarkan

a. Jarak di antara papan iklan Unipole dengan Unipole




***diukur dari struktur tiang ke struktur tiang**


- b. Jarak di antara papan iklan Unipole dengan Minipole.



- c. Jarak di antara papan iklan bersaiz Minipole dengan Minipole.




- d. Jarak di antara papan iklan Unipole dengan Billboard.




***diukur dari struktur tiang ke struktur tiang**

- e. Jarak di antara papan iklan Billboard dengan Billboard.



- f. Jarak di antara Spectacular Gantry dan Unipole




*diukur dari struktur tiang ke struktur tiang

4.1.3 Saiz, Anjakan dan Jarak Dari Simpang Jalan

Lokasi	Lebar /Had Kelajuan Jalan	Jenis & Saiz Iklan Yang Dibenarkan	Jarak Minima Dari Simpang Jalan	Anjakan Minima/Ketinggian Maksima
Menghadap Lebuhraya/ Jalan Persekutuan/ Jalan Utama	20 m – 60m (66' – 197') ≥ 90 km/j	<u>UNIPOLE</u> 1, 2 dan 3 muka. Saiz : 60' x 40' – Vertical 20' x 60' – Horizontal Ketinggian Mak: 100 kaki <u>MINIPOLE</u> 1, 2 dan 3 muka Saiz: 40' x 30' – Vertical 10' x 40' – Horizontal	50 meter 50 meter	Anjakan minima 3 meter (10 kaki) dari hujung struktur ke Bahu Jalan atau jarak yang ditetapkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia, Jabatan Kerja Raya atau Majlis. Manakala untuk kes pembesaran jalan, anjakan minima 3 meter (10 kaki) boleh dikira daripada tiang Paparan Iklan Ketinggian Maksima : Paparan Iklan saiz 60' (t) x 40' (l) dan 40' (t) x 30' (l) ialah 100' (Aras Tanah ke Hujung Struktur Atas)


		Ketinggian Mak: 50 kaki		Paparan Iklan saiz 30' (t) x 20' (l) ialah 50' (Aras Tanah ke Hujung Struktur Atas)
Menghadap Jalan Utama / Pengagihan tempatan	12 m – 20m (40' – 66') ≤ 90 km/j	<u>BILLBOARD</u> 1 dan 2 muka 30' x 20' –Vertical 10' x 30' HorizontalKetinggian Mak: 50 kaki	50 meter	Tidak menghalang Laluan Pejalan Kaki /Sikal. Ukuran dikira berdasarkan kepada jarak jalan bertar. Ukuran ketinggian maksimum dikira dari aras jalan

a. Anjakan Minima/KetinggianMaksima (Unipole)




***ukuran ketinggian maksimum perlu dikira dari aras jalan**

b. Anjakan Minima/Ketinggian Maksimum (Minipole)




c. Anjakan Minima/Ketinggian Maksimum (Billboard)




***ukuran ketinggian maksimum perlu dikira dari aras jalan**

d. Jarak Minimum Dari Simpang Jalan



*** nota: dikira dari struktur tiang ke median persimpangan jalan**

- e. Papan Iklan dilarang diletakkan di dalam jarak kurang 100 meter (328 kaki) sebelum dan kurang 100 meter (328 kaki) selepas satu-satu papan tanda tunjuk arah, merujuk kepada had laju lebuhraya, jalan persekutuan dan jalan pihak berkuasa tempatan (bagi jalan 90 km/j).



***ukuran dikira dari tiang struktur ke tiang struktur**

- f. Majlis berhak menentukan apa-apa susun atur, jarak/ anjakan, reka bentuk, saiz dan medium yang lebih sesuai atas sebab-sebab keselamatan awam dan keadaan setempat.
- g. Paparan iklan tidak dibenarkan dipasang dalam jarak kurang 65 kaki (50 meter) daripada kemudahan terdekat.
- h. Paparan iklan tidak dibenarkan dipasang dalam jarak kurang 100 kaki (30 meter) daripada perumahan terdekat.

4.1.4 Zon Guna Tanah Yang Dibenarkan Dengan Kawalan

Yang Dibenarkan

- i. Zon Perdagangan yang melibatkan sepanjang Lebuhraya/Jalan Persekutuan dan Jalan Pengagih Utama dengan syarat **TIDAK** :
 - a. Menutup garis langit reka bentuk bandar atau pemandangan tertentu;
 - b. Menutup bangunan warisan;
 - c. Menutup bangunan kerajaan;
 - d. Menutup bangunan berciri seni bina menarik;
 - e. Menutup mercu tanda sesuatu kawasan;
 - f. Menutup program-program landskap bandar atau yang memerlukan pokok pokok besar ditebang;
 - g. Dipasang di sepanjang Koridor *Scenic* di Lebuhraya/Jalan Utama; dan
 - h. Dipasang di Jalan Protokol.
- ii. Zon Pengangkutan
- iii. Zon Tanah Lapang Awam (selain taman permainan, padang awam, taman bandar)
- iv. Zon Penampungan
- v. Zon Institusi
- vi. Kawasan Hijau

Yang Tidak dibenarkan mendirikan struktur billboard, unipole dan minipole

- a. Pusat Perdagangan (CBD) termasuk kawasan perdagangan kejiranan
- b. Zon Kediaman
- c. Kawasan Taman Awam
- d. Tanah Lapang Awam yang terdapat taman permainan

Anjakan dari

- a. Kediaman terdekat = 30m (100') (dengan syarat tidak menutup pandangan ke luar penghuni kediaman).
- b. Bangunan kemudahan awam = 50m (165').
- c. Kawasan warisan = 300m (1000') (termasuk zon penampungan)
- d. Taman awam = 300m (1000')

4.2 Iklan di Bumbung Bangunan

Keadaan di mana iklan bumbung dibenarkan adalah seperti berikut;

- a. Pada bangunan sesebuah yang telah mempunyai struktur khas yang telah dibina bagi tujuan menampung paparan iklan (*inbuilt structure*).
- b. Papan iklan direka bentuk secara menarik dan boleh kompromi dengan *roofscape* di kawasan persekitaran.
- c. Keutamaan kawalan adalah ke atas kandungan iklan dan pencahayaan supaya selaras dengan matlamat mempertingkatkan keceriaan pusat bandar.
- d. Paparan iklan luaran di atas bumbung bangunan yang mempunyai permukaan terbuka dan kerangka struktur sokongan adalah tidak dibenarkan kecuali berbentuk logo, nama Syarikat dan bangunan sahaja.
- e. Kategori pengiklanan selainnya tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak kecelaruan pandangan (*clutter*).



4.3 Iklan di Dinding

- a. Lebih digalakkan dari *Free-Standing Billboard* kerana tidak menutup elemen-elemen bandar.
- b. Dibenarkan hanya pada dinding perdagangan yang tidak mempunyai permukaan terbuka seperti tingkap, balkoni, lubang pengudaraan semula jadi atau mekanikal dan pintu.
- c. Keluasan maksimum iklan yang dibenarkan adalah 90% dari keluasan dinding dan tidak dibenarkan sama sekali terkeluar atau terlebih daripada perimeter dinding bangunan. Hanya satu pengiklanan dibenarkan.
- d. Perletakan iklan yang seimbang pada dinding bangunan sahaja dibenarkan dan bukan di sudut-sudut bangunan.
- e. Iklan hendaklah dipasang pada struktur kerangka yang diunjurkan keluar tidak melebihi 0.7 meter (2.5 kaki) dari dinding dan perlu mendapat pengesahan Jurutera Professional.
- f. Keutamaan kawalan adalah ke atas kandungan iklan dan pencahayaan supaya selaras dengan matlamat mempertingkatkan keceriaan pusat bandar dan pencahayaan pada waktu malam.

- g. Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik. Bagi iklan dinding di laluan-laluan berkelajuan tinggi, grafik pada satu-satu iklan ialah sebanyak 85% dan selebihnya 15% dalam bentuk teks/logo supaya tidak mengganggu atau mengalih penumpuan pemandu kenderaan.
- h. Tidak dibenarkan kategori pengiklanan selainnya dipasang berdekatan. Bagi iklan yang dipasang di sepanjang jalan yang menampung kelajuan melebihi 80 sehingga 100 kilometer/jam, jarak dengan pengiklanan selainnya adalah 1 kilometer dan bagi yang menampung kelajuan melebihi 40 sehingga 80 kilometer/jam, jarak dengan pengiklanan selainnya adalah 0.5 kilometer.
- i. Tidak dibenarkan di kawasan yang merupakan *traffic hazard* kepada pengguna jalanraya mengikut Pihak Berkuasa Jalan/PBT seperti yang melibatkan selekoh berbahaya.
- j. Iklan yang mampu menutup cela pada dinding bangunan yang buruk dan yang demikian meningkatkan kualiti persekitaran adalah digalakkan. Dinding bangunan yang buruk hendaklah terlebih dahulu dicat.
- k. Kategori pengiklanan selainnya seperti *Free-Standing Billboard* tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak kecelaruan pandangan (*clutter*).



4.4 Iklan Building Wrap

- a. Dibenarkan hanya pada bangunan perdagangan;
 - Iklan pada fasad bangunan hendaklah mematuhi keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984:
 - Bahan yang digunakan perlu memastikan 30% kemasukan cahaya dan udara semula jadi;
 - Tidak menghadkan bukaan pada bangunan bagi laluan semasa kecemasan dan tidak menghadkan pandangan ke luar.
- b. Keutamaan kawalan adalah ke atas kandungan iklan dan pencahayaan supaya selaras dengan matlamat mempertingkatkan keceriaan pusat bandar dan pencahayaan pada waktu malam.
- c. Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik. Grafik pada satu-satu iklan ialah sebanyak 85% dan selebihnya 15% dalam bentuk teks/logo supaya tidak mengganggu atau mengalih penumpuan pemandu kenderaan.
- d. Tidak dibenarkan *clutter* di mana kategori pengiklanan selainnya seperti *Free-Standing Billboard* dilarang dipasang secara berdekatan. Bagi iklan yang dipasang di sepanjang jalan yang menampung kelajuan melebihi 80 sehingga 100 kilometer/jam, jarak dengan pengiklanan selainnya adalah 1 kilometer dan bagi yang menampung kelajuan melebihi 40 sehingga 80 kilometer/jam, jarak dengan pengiklanan selainnya adalah 0.5 kilometer.
- e. Iklan jenis ini perlu mendapatkan kelulusan permit sementara iklan luaran sekiranya bersifat sementara dan pemasangan visual iklan adalah menggunakan teknik ikatan tali pada fasad bangunan.
- f. Sekiranya pemasangan visual iklan melibatkan struktur tambahan yang dipasang di fasad perlu mendapatkan kelulusan dari Jabatan Bangunan.
- g. Sebarang visual iklan yang ingin dipapar di atas papan iklan hendaklah mematuhi syarat-syarat lesen iklan luaran MPSJ.



Iklan building wrap perlu menggunakan bahan yang membenarkan kemasukan cahaya dan udara semulajadi serta tidak menghadkan bukaan pada bangunan.

4.5 Iklan Digital / Elektronik / Light Emitting Diode (LED)

- a. Paparan iklan statik sahaja, video tidak dibenarkan.
- b. Paparan LED di lebuh raya dan Jalan Persekutuan tertakluk kepada garis panduan agensi terlibat.
- c. Kecerahan paparan iklan atau lux tahap optimum dan sesuai dan tidak mengganggu persekitaran.
- d. Tahap kecerahan yang ada lampu ialah 1200 nits@cd/m² siang dan 300 nits@cd/m² malam. Yang tiada lampu jalan ialah 600 nits@cd/m² siang dan 150 nits@cd/m² malam.
- e. Perlu mempunyai alat kawalan pencerahan automatic.
- f. Panel/skrin paparan iklan mempunyai kelulusan SIRIM.
- g. Tahap dan peringkat kecerahan perlu disediakan dan disahkan oleh Jurutera Elektrik Bertauliah.
- h. Merujuk kepada Undang-undang Kecil LED Majlis Bandaraya Subang Jaya



4.6 Iklan di Jejambat

- a. Iklan tidak dibenarkan mengunjur keluar dari struktur jejambat di dalam kawasan bandar supaya tidak menutup garisan langit dan rupa bentuk bandar.
- b. Kategori pengiklanan selainnya tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak kecelaruan pandangan (*clutter*).
- c. Iklan tidak boleh dipasang sekiranya terdapat papan tanda lalu lintas dipasang pada jejambat.
- d. Tidak boleh dibenarkan dalam jarak 300 meter (984 kaki) sebelum 100 meter (328 kaki) selepas satu-satu tanda lalu lintas.
- e. Iklan hanya boleh dipasang pada jejambat yang terletak secara sejajar (*perpendicular*) merentangi jalan dan tidak pada jejambat yang menyerong.
- f. Kelebaran papan Iklan hendaklah selari dengan kelebaran tiang jejambat.
- g. Hanya satu iklan sahaja yang dibenarkan dipasang pada satu-satu jejambat.



4.7 Iklan di Jejantas

Panduan reka bentuk papan iklan di jejantas yang dibenarkan oleh Majlis adalah berdasarkan spesifikasi di dalam Garis Panduan Mendirikan Struktur Paparan Iklan Di Dalam Rizab Lebuhraya. Panduan adalah seperti rajah yang berikut:



Syarat-syarat utama yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-

- i. Struktur paparan iklan bersaiz **sederhana** yang dipasang pada struktur jejantas jalan raya/lebuhraya;
- ii. Tinggi maksimum: **3 meter** ;
- iii. Lebar maksimum: Tidak melebihi lebar carriageway jalan / bersesuaian dengan lebar jejantas; dan
- iv. Had kelegaan menegak minimum: tidak melindungi pandangan laluan pejalan kaki di jejantas tersebut.
- v. Hendaklah disertakan pengesahan struktur integriti dari perunding/jurutera bertauliah.

4.8 Iklan Spectular Gantry

- a. Dibenarkan di luar kawasan bandar supaya tidak menjejaskan rupa bentuk dan garis langit bandar sama ada yang sedia ada atau masa hadapan;
- b. Kategori pengiklanan selainnya tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak keclaruan pandangan (*clutter*). Bagi iklan yang dipasang di sepanjang jalan yang menampung kelajuan melebihi 80 sehingga 100 kilometer/jam, jarak dengan pengiklanan selainnya adalah 1 kilometer dan bagi yang menampung kelajuan melebihi 40 sehingga 80 kilometer/jam, jarak dengan pengiklanan selainnya adalah 0.5 kilometer;
- c. Tidak boleh dibenarkan dalam jarak 100 meter (328 kaki) sebelum dan 100 meter (328 kaki) selepas satu satu papan tanda arah.
- d. Anjakan dari tiang struktur iklan ke bahu jalan bagi jalan berkelajuan 80 kilometer/jam ke atas adalah 9 meter (30 kaki) manakala bagi jalan yang berkelajuan 40 sehingga 80 kilometer/jam adalah 7 meter (23 kaki).
- e. Tidak benarkan dipasang iklan kecuali papan tanda lalu lintas dan mesej kerajaan sahaja dibenarkan dipasang pada tempoh tertentu.



Spectacular Gantry di Lebuhraya yang menjejaskan rupa bentuk garisan langit bandar.

4.9 Iklan Gantry

- a. (Paparannya iklan yang lebih kecil merentangi sebahagian atau keseluruhan jalan yang lebih kecil).
- b. Tidak benarkan dipasang iklan kecuali papan tanda lalu lintas dan mesej kerajaan.

4.10 Iklan Pillar/Tiang/Colum Wrap Pada LRT/MRT/BRT

- a. Kategori pengiklanan selainnya tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak kecelaruan pandangan (*clutter*);
- b. Kandungan iklan hendaklah yang ringkas dan menarik. Grafik pada satu-satu iklan ialah sebanyak 85% dan selebihnya 15% dalam bentuk teks/logo supaya tidak mengganggu atau mengalih penumpuan pemandu kenderaan;
- c. Dibenarkan dipasang pada 2 bahagian tiang sahaja atau dalam bentuk yang membolehkan apa-apa kerosakan/keretakan pada tiang LRT dapat diketahui;
- d. Tidak boleh dipasang pada keseluruhan 4 tiang LRT/MRT/BRT.
- e. Kelebaran papan iklan hendaklah selari dengan kelebaran tiang LRT/MRT/BRT.

- f. Tidak dibenarkan di kawasan yang merupakan *traffic hazard* kepada pengguna jalan raya mengikut Pihak Berkuasa Jalan/PBT seperti yang melibatkan selekoh bahaya;
- g. Pencahayaan iklan pada waktu malam tidak dibenarkan menyilau dan menjejaskan kelancaran memandu dan keberkesanan peralatan kawalan lalu lintas.



4.11 Iklan Projecting Sign

- a. Kategori pengiklanan selainnya tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak kecelaruan pandangan (*clutter*);
- b. Hanya dibenarkan pada bangunan yang telah mempunyai struktur khas yang telah dibina bagi tujuan paparan iklan. Bagi struktur paparan iklan yang dibina secara berturut hanya satu tema pengiklanan sahaja dibenarkan;
- c. Keutamaan kawalan adalah ke atas kandungan iklan. Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik. Grafik pada satu-satu iklan ialah sebanyak 85% dan selebihnya 15% dalam bentuk teks/logo supaya tidak mengganggu atau mengalih penumpuan pemandu kenderaan; dan
- d. Tidak boleh dipasang sekiranya berada dalam jarak kurang 300 meter (984 kaki) sebelum dan tidak kurang dari 100 meter (328 kaki) selepas satu-satu tanda lalu lintas.

- e. Paparan iklan hendaklah mengambilkira aspek keselamatan awam dari segi peletakannya dan ruang kelegaan 5 meter (16 kaki) dari aras jalan mengikut pematuhan Undang- Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, hendaklah dipastikan.

4.12 Iklan Kain Rentang / Poster /Bunting

- a. Dibenarkan sekiranya digantung dengan kemas pada bangunan perdagangan dan bingkai yang disediakan PBT.
- b. Bahan yang digunakan untuk bingkai iklan kain rentang hendaklah dipastikan tahan lama dan tidak berkarat dan tidak lagi menampung iklan yang sudah luput tarikh atau tidak lagi berkaitan dengan perkembangan semasa.
- c. Memandangkan iklan bersifat sementara, ianya dibenarkan menutup bukaan pada bangunan sekiranya kemasukan cahaya dan pengudaraan semula jadi sekurangnya 30% dari bukaan asal. Walau bagaimanapun pemasangan iklan secara berterusan sebegini tidak dibenarkan.
- d. Tidak boleh dipasang dengan cara yang boleh menimbulkan kecelaruan pandangan (*clutter*).
- e. Hanya boleh dipasang pada kawasan yang berorientasikan pejalan kaki dan tidak di jalan berlaluan terus dan sibuk dan di persimpangan.
- f. Dibenarkan dipasang pada jalan yang menampung kurang 40 kilometer/jam. Anjakan dibenarkan adalah 3 meter (10 kaki) daripada laluan pejalan kaki.
- g. Iklan kain rentang (poster) lebih sesuai menggunakan istilah banner bagi merujuk kain rentang. Iklan kain rentang bersifat sementara dan hanya perlu mendapatkan kelulusan permit sementara iklan luaran.
- h. Sekiranya perkara iklan kain rentang (poster) tidak merujuk kepada iklan yang bersifat sementara ia lebih sesuai dinyatakan sebagai iklan poster sahaja dan sekiranya pemasangannya melibatkan struktur tambahan yang dipasang di fasad atau luar fasad, perlu mendapatkan kelulusan dari Jabatan Bangunan.
- i. Bagi aspek kandungan visual iklan mohon ditambah klausa- sebarang visual iklan yang ingin dipapar di atas papan iklan hendaklah mematuhi syarat-syarat lesen iklan luaran MPSJ.

4.13 Iklan Pagar/Papan Dendeng


- a. Pengiklanan yang dipasang pada pagar-pagar sementara bagi menutup sesuatu visual yang kurang menarik adalah digalakkan.
- b. Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik dan tidak menjejaskan keberkesanan papan tanda lalu lintas.
- c. Iklan ini sekiranya bersifat sementara perlu mendapatkan kelulusan permit sementara iklan luaran dan sekiranya pemasangannya melibatkan struktur tambahan yang dipasang di fasad atau luar fasad, perlu mendapatkan kelulusan dari jabatan bangunan.
- d. Sebarang visual iklan yang ingin dipapar di atas papan iklan hendaklah mematuhi syarat-syarat lesen iklan luaran MPSJ.



4.14 Iklan Perabot Jalan

- a. Di kawasan siar kaki iaitu jalan dengan kelajuan kurang 32 kilometer/jam, hanya pengiklanan yang digabungkan dengan perabot jalan sahaja dibenarkan.
- b. Pengiklanan pada perabot jalan berikut sahaja dibenarkan (rujuk ilustrasi '*typology*' perabot jalan):
 - laluan pejalan kaki
 - lampu
 - tong sampah

- pondok telefon
 - perhentian bas
 - bangku
 - gazebo
 - pagola
 - kiosk
- c. Iklan hendaklah bersesuaian dengan reka bentuk perabot jalan dan tidak boleh mendominasi tujuan asal pemasangan atau penyediaan perabot jalan.
- d. Penggunaan bahan hendaklah dari jenis yang sama atau yang memberi nilai tambah kepada kualiti perabot jalan.
- e. Pemasangan iklan pada perabot jalan hendaklah memastikan keselamatan pengguna kawasan tersebut, tiada reka bentuk yang merbahaya seperti penggunaan kaca yang mudah pecah, bucu tajam, struktur yang mudah tanggal dan sebagainya.
- f. ketinggian maksimum paparan iklan ialah 2 meter secara menegak manakala paras paling minimum adalah 1 meter. Bagi perabot jalan yang rendah di bawah paras had minimum tersebut seperti kerusi, tong sampah dan lain-lain.



Iklan ini dapat membantu untuk kecerian bandar

4.15 Iklan Light Box

- a. Saiz dibenarkan hanya 6 kaki x 4 kaki.
- b. 1 dan 2 muka, Vertikal sahaja.
- c. Perlu mendapat ulasan dari Jabatan Kejuruteraan untuk pencahayaan.

4.16 Iklan Bercahaya (Lumi) di Pillar/Colum Wrap Pada LRT/MRT/BRT

- a. Kategori pengiklanan selainnya tidak dibenarkan berada berdekatan bagi mengelak kecelaruan pandangan (clutter).
- b. Kandungan iklan hendaklah yang ringkas dan menarik. Grafik pada satu-satu iklan ialah sebanyak 85% dan selebihnya 15% dalam bentuk teks/logo supaya tidak mengganggu atau mengalih penumpuan pemandu kenderaan.
- c. Bahasa Kebangsaan hendaklah diutamakan dan jika Bahasa kebangsaan digunakan bersama Bahasa lain, perkataan dalam Bahasa Kebangsaan hendaklah 30% lebih besar daripada Bahasa lain.
- d. Setiap pertukaran visual perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Pelesenan MPSJ.
- e. Dibenarkan dipasang pada 2 bahagian tiang sahaja atau dalam bentuk yang embolehkan apa-apa kerosakan/keretakan pada tiang LRT dapat diketahui.
- f. Tidak dibenarkan di kawasan yang merupakan lalu lintas sesak (traffic hazard) kepada pengguna jalan raya mengikut Pihak Berkuasa Jalan/PBT seperti yang melibatkan selekoh bahaya.
- g. Pencahayaan iklan pada waktu malam tidak dibenarkan menyilau dan menjejaskan kelancaran memandu dan keberkesanan peralatan kawalan lalu lintas.
- h. **Pencahayaan Iklan Jenis Bercahaya (Lumi)**
 - i. Paparan iklan biasa sahaja, video tidak dibenarkan.
 - ii. Paparan bercahaya di lebuh raya dan Jalan Persekutuan tertakluk kepada garis panduan agensi terlibat.
 - iii. Kecerahan paparan iklan atau lux tahap optimum dan sesuai dan tidak mengganggu persekitaran.

- iv. Tahap kecerahan yang ada lampu ialah 1200 nits@cd/m² siang dan 300 nits@cd/m² malam. Yang tiada lampu jalan ialah 600 nits@cd/m² siang dan 150 nits@cd/m² malam.
- v. Perlu mempunyai alat kawalan pencerahan automatik.
- vi. Panel-panel/skrin paparan iklan mempunyai kelulusan SIRIM.
- vii. Tahap dan peringkat kecerahan perlu disediakan dan disahkan oleh Jurutera Elektrik Bertauliah.

5.0 POLISI KERAJAAN NEGERI BERHUBUNG PAPARAN IKLAN LUARAN

5.1 Seseorang yang memohon bagi mendirikan paparan iklan luaran dikehendaki mematuhi perkara-perkara berikut :-

- a. Tanah/ Bangunan Persendirian / Rezab Persekutuan yang telah diwartakan perlu mendapatkan kebenaran dari pemilik tanah/ Bangunan/ pegawai pengawal yang memberikan kebenaran untuk tujuan mendirikan struktur iklan luaran, serta menjelaskan bayaran insurans tanggungan.
- b. Jika di atas Tanah Kerajaan Negeri (termasuk *Right Of Way* (R.O.W)), maka pemohon mesti menandatangani perjanjian penyewaan dengan Majlis. Kadar fi penyewaan akan ditetapkan oleh Majlis.

6.0 GARIS PANDUAN PEMASANGAN PAPARAN IKLAN LUARAN

6.1 Penentuan lokasi


6.1.1 Aspek keselamatan awam / pengguna jalanraya

- a. Paparan iklan **tidak dibenarkan** menghalang atau melindungi papan tanda trafik (traffic sign) dan peralatan kawalan lalulintas seperti lampu isyarat dan sebagainya.
- b. Paparan iklan yang menghalang jarak pemandangan pemandu kenderaan **tidak dibenarkan**.
- c. Mesej dan Reka bentuk paparan iklan hendaklah jelas dan tidak mengelirukan pemandu kenderaan.

- d. Bilangan perkataan dan grafik yang digunakan hendaklah jelas, terhad, ringkas dan tepat supaya pemandu tidak mengambil masa yang lama untuk membaca mesej yang disampaikan dalam paparan iklan.
- e. Kandungan iklan hendaklah pada kadar 85% grafik dan 15% perkataan supaya tidak menjejaskan tumpuan pemandu di jalan raya.
- f. Paparan iklan yang mengganggu perhatian pemandu kenderaan dan boleh mendatangkan kekeliruan dengan menggunakan perkataan seperti “BERHENTI”, “BAHAYA” atau apa-apa perkataan, simbol atau warna yang menyerupai mana-mana kandungan papan tanda atau alat kawalan lalulintas yang boleh mengelirukan pengguna jalanraya adalah **tidak dibenarkan**.
- g. Paparan iklan **tidak dibenarkan** diletakkan di mana terdapat kawasan yang dipasang alat keselamatan CCTV supaya tidak menghalang rakaman sekiranya ada jenayah berlaku.
- h. Struktur papan iklan **tidak dibenarkan** menghalang laluan pejalan kaki.
- i. Struktur paparan iklan **tidak dibenarkan** dibina di kawasan bercerun yang boleh mendatangkan bahaya pada pengguna jalan raya.
- j. Pemasangan Paparan Iklan yang mendatangkan bahaya kepada orang awam dan harta benda dari risiko keruntuhan **tidak dibenarkan**.
- k. Pemasangan Paparan Iklan berlampu yang menyilaukan pandangan dan bercahaya ke tahap yang boleh menghadkan penglihatan pengguna **tidak dibenarkan**.
- l. Paparan iklan tidak dibenarkan menghalang laluan **“Fire Escape”** atau cara untuk menuju ke **“Fire Escape”**.
- m. Paparan Iklan **tidak boleh** dipautkan kepada papan tanda jalan atau isyarat atau disekalikan dengan papan tanda jalan atau isyarat yang menyebabkan kekeliruan terhadap papan tanda jalan atau isyarat.
- n. Struktur Papan Iklan tidak dibenarkan dibina di Rezab Laluan Kemudahan yang diselenggara oleh Agensi Kerajaan seperti Rezab Rintasan Elektrik TNB dan Rezab Sungai kecuali mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu.


6.1.2 Aspek Kualiti Persekitaran dan Nilai Aestetik

- a. Pemasangan Paparan Iklan hendaklah bersesuaian dari segi bilangan saiz dan perletakkannya supaya dapat mempertingkatkan kualiti visual persekitaran.
- b. Pasaran Iklan dari jenis kain rentang dan banting adalah **tidak dibenarkan** dipasang di laluan-laluan protokol dan Kawasan Pusat Bandar Majlis. Pemasangan Iklan dari jenis "*Decorative Light / Led Box*" di tiang-tiang lampu jalan Majlis adalah digalakkan.
- c. Paparan iklan **tidak dibenarkan** dipasang dan melindungi keseluruhan atau sebahagian besar mana-mana bangunan kemudahan awam atau berkepentingan seperti Bangunan Ibadat, Bangunan Institusi, Bangunan 'Mercu Tanda' dan lain-lain bangunan yang dikenalpasti oleh Pihak Majlis sebagai bangunan berkepentingan.
- d. Paparan iklan **tidak dibenarkan** dipasang dalam **jarak 165 kaki (50 meter)** dari mana-mana bangunan kemudahan awam atau berkepentingan seperti Bangunan Ibadat, Bangunan Institusi, Bangunan 'Mercu Tanda'. Jarak dikira dari titik tengah laluan keluar masuk atau sempadan lot tanah bangunan berkenaan.




- e. Paparan Iklan **tidak dibenarkan** dipasang dalam jarak **100 kaki (30 meter)** dari bangunan kediaman dan tidak menghalang keluar masuk. Jarak dikira dari titik tengah laluan keluar masuk ke kawasan perumahan.

- f. Permukaan pendawaian elektrik pada Paparan Iklan hendaklah ditempatkan di bawah tanah atau disorok dari pandangan awam, meter dan penyambungan pada struktur hendaklah diintegrasikan dengan reka bentuk keseluruhan struktur.
- g. Paparan Iklan **tidak dibenarkan** di pulau jalan atau kawasan lapang yang mana landskap diutamakan. Pemasangan di sekitar bulatan dibenarkan dengan syarat zon selamat atau anjakan disediakan tidak kurang dari 3 meter (10 kaki) dan tidak menghalang laluan pejalan kaki. Pemasangan Iklan di dalam bulatan pula hanya dibenarkan dalam bentuk arca yang mana merupakan sebahagian daripada landskap sedia ada.




- h. Pemasangan Papan Iklan di simpang tiga dan bulatan adalah berdasarkan pematuhan syarat-syarat seperti berikut :-
- Paparan Iklan bersaiz minima 30' x 20'.
 - Menyediakan zon selamat atau anjakan 3 meter (10 kaki) dari bahu jalan atau jarak yang ditetapkan oleh Majlis.
 - Jarak minimum dari simpang bergantung kepada ruang pemandangan pemandu (dikira dari titik tengah persimpangan) atau 50 meter (165 kaki).
 - Lebih Paparan Iklan dibenarkan diletakkan secara berderet pada sebelah kanan dan kiri. Bilangannya tertakluk kepada ruang pemandangan dan keadaan tapak berkenaan.
 - Jarak antara jajaran papan iklan seterusnya ialah 25 meter (82.5 kaki).
 - Jarak antara Iklan berderet adalah 1.5 meter (5 kaki).
 - Jarak antara Iklan dengan lalulintas adalah 3 meter (10 kaki).


i. Susun atur, Jarak & Anjakan Paparan Iklan Di & Dari Persimpangan Tiga



- j. Pemasangan Paparan Iklan hendaklah pada perkadaran yang sesuai dengan kelebaran jalan dan ketinggiannya hendaklah tidak merosakkan kerharmonian garisan langit.
- k. Jarak di antara Iklan Jenis Unipole sekurang-kurangnya 300 meter (1000 kaki) di laluan yang mengadap Lebuhraya dan Jalan Persekutuan.
- l. Jarak di antara Satu Iklan (*Unipole*) dengan Iklan (*billboard*) yang lain sekurang-kurangnya 150 meter (500 kaki).



- m. Jarak di antara satu Iklan (*Billboard*) dengan *Billboard* yang lain sekurang-kurangnya 150 meter (500 kaki).



- n. Pengiraan jarak antara Paparan Iklan adalah dikira secara sejajar atau selari dengan laluan yang dicadangkan dan mengikut Paparan Iklan. Jarak dikira dari tiang ke tiang.
- o. Paparan Iklan Luaran di atas bumbung bangunan yang mempunyai permukaan terbuka dan kerangka struktur sokongan adalah tidak dibenarkan kecuali berbentuk logo, nama Syarikat dan bangunan sahaja.

- p. Bagi Paparan Iklan di atas bumbung bangunan sedia ada yang telah diluluskan, sekiranya ada permohonan untuk melanjutkan tempoh, pihak syarikat perlu mengemukakan *Structure Safety Audit Report* dan bahagian kerangka struktur sokongan perlu ditutup dan harmoni dari Aspek Fasad dan Skim Warna Warna Bangunan.
- q. Paparan iklan pada dinding bangunan hendaklah tidak melebihi 80% daripada keluasan dinding dan tidak melindungi reka bentuk fasad. Bagi bangunan jenis kedai pejabat, keluasan dinding yang dibenarkan dikira berdasarkan bilangan unit setiap tingkat yang digunakan (kecuali tingkat bawah). Sekiranya Papan Iklan melibatkan keseluruhan tingkat, ianya hendaklah bermula dari tingkat satu (1).
- r. Jarak struktur Paparan Iklan dengan dinding bangunan adalah minima 0.7 meter (2.5 kaki).

6.1.3 Aspek Keselesaan Awam

- a. Pemasangan Paparan Iklan yang menyilaukan pandangan dan bercahaya ke tahap yang boleh menimbulkan kacau ganggu serta ketidakselesaan kepada penghuni-penghuni kediaman **tidak dibenarkan**.
- b. Struktur Paparan Iklan yang menghalang laluan siarkaki awam dan boleh menggugat keselesaan pejalan kaki **tidak dibenarkan**.
- c. Pemasangan Paparan Iklan hendaklah dibangunkan secara teratur dan tidak menyekat atau menghadang sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, mana-mana Paparan Iklan kepunyaan orang lain.
- d. Kawasan lapang awam hendaklah dimanfaatkan untuk kemudahan dan keselesaan orang awam dan pemasangan Paparan Iklan yang boleh menyalahkan fungsi **tidak dibenarkan**.

6.2 Visual Pengiklanan

- a. Kandungan visual iklan mestilah bersesuaian dengan barangan yang ingin diiklankan. Kandungan yang mengeksploitasikan wajah dan tubuh seseorang khususnya wanita dan tiada kaitan dengan barangan yang ingin diiklankan tidak dibenarkan. Unsur-unsur eksploitasi selainnya terhadap golongan lelaki, kanak-kanak dan orang kurang upaya juga tidak dibenarkan.
- b. Kandungan pengiklanan hendaklah tepat dan ikhlas terhadap maklumat yang diberi.

- c. Kandungan mestilah menggalakkan kepada amalan berbudi bahasa dan nilai-nilai murni antara pelbagai lapisan umur dan kaum di Malaysia tanpa unsur-unsur diskriminasi sosial.
- d. Kandungan yang mengiklankan berbentuk keganasan, rokok, arak dan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perjudian atau perlakuan negatif tidak dibenarkan.
- e. Kandungan yang memaparkan gambar wanita atau lelaki dalam pakaian atau aksi yang menjolok mata tidak dibenarkan
- f. Kandungan yang memaparkan wajah-wajah pelbagai kaum di Malaysia adalah digalakkan.
- g. Penggunaan corak yang bercirikan Warisan Negara adalah digalakkan.
- h. Kandungan yang memberikan gambaran positif terhadap pelbagai budaya masyarakat Malaysia adalah digalakkan.
- i. Setiap paparan iklan mestilah menggunakan Bahasa Malaysia di samping bahasa-bahasa lain.
- j. Penggunaan Bahasa Malaysia hendaklah dipastikan betul dan tepat dari segi penggunaan perkataan, susunan ayat, ejaan, tata bahasa dan sebagainya mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- k. Penggunaan bahasa hendaklah sopan dan tidak mempunyai sebarang perkataan atau Bahasa yang negatif
- l. Paparan wajah warganegara Malaysia diwajibkan dan hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 50% atau lebih dalam paparan iklan.
- m. Pengecualian paparan wajah bukan warganegara Malaysia hanya diberikan kepada iklan-iklan tempatan yang mempromosikan pelancongan Malaysia ke Negara asing dan juga kepada syarikat syarikat penerbangan / kembara pelancongan negara-negara asing.
- n. Kandungan yang memberikan gambaran persekitaran tempatan adalah digalakkan
- o. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan dan jika Bahasa Malaysia digunakan bersama dengan apa-apa bahasa lain dalam sesuatu iklan, saiz perkataan Bahasa Malaysia hendaklah lebih besar.
- p. Visual iklan yang dicadangkan hendaklah mematuhi Kod Etika Paparan Iklan yang dikeluarkan oleh Advertising Standards Authority Malaysia. (ASA)

- q. Ukuran panel berukuran 4'x 8' bagi iklan twinpole dan 2' x 4' bagi jenis iklan lain dan perlu diletakkan di sudut bawah sebelah kanan papan iklan tersebut bagi mempamerkan nombor lesen dan nama syarikat. Bagi panel iklan twinpole, saiz huruf / no lesen adalah 1.0 kaki dan 6 inci bagi iklan yang lain.

7.0 PAPARAN IKLAN DIGITAL / ELEKTRONIK / LED

7.1 Paparan

- Paparan iklan hendaklah dalam bentuk paparan statik sahaja dan sebarang unsur pergerakan seperti video dan lain-lain adalah **tidak dibenarkan**.
- Paparan iklan LED di Lebuhraya dan Jalan Persekutuan ($\leq 90\text{km/j}$) yang telah diwartakan tertakluk kepada garis panduan dan tatacara yang ditetapkan agensi-agensi terlibat.
- Paparan iklan jenis LED box di tiang lampu pertama sebelum dan selepas persimpangan, pulau jalan dan lampu isyarat adalah tidak dibenarkan.

7.2 Kecerahan.

- Kecerahan permukaan paparan iklan atau lux hendaklah pada tahap yang paling optimum dan disesuaikan mengikut keadaan sebenar persekitaran dan cuaca bagi mengelak gangguan silau pada pengguna jalanraya
- Tahap kecerahan yang dibenarkan bagi kawasan yang mempunyai lampu jalan ialah 1200 nits @ cd/m^2 pada waktu siang dan 300 nit @ cd/m^2 pada waktu malam. Bagi kawasan yang tidak mempunyai lampu jalan, tahap kecerahan yang dibenarkan ialah 600 nits @ cd/m^2 pada waktu siang dan 150 nits @ cd/m^2 .
- Pelarasan kecerahan hendaklah dibuat seperti berikut:

Keadaan Cuaca	Masa	Kecerahan (nits@ cd/m^2)
Siang (Sunny)	7.00 – 19.00	600 – 1200
Malam (Night)	19.00 – 07.00	150 - 300

- Paparan iklan hendaklah mempunyai alat kawalan pencerahan automatik (automatic dimming) mengikut keadaan sebenar persekitaran dan cuaca serta dapat menghentikan paparan sekiranya berlaku sebarang kerosakan.

- e. Panel / skrin paparan iklan LED yang digunakan hendaklah mempunyai kelulusan piawaian oleh SIRIM Malaysia.
- f. Tahap dan peringkat penyelerasan kecerahan yang digunakan pada iklan berkenaan hendaklah disediakan dan disahkan oleh Jurutera Elektrikal / Elektronik Bertauliah bahawa ianya pada tahap yang dibenarkan dan tidak menjejaskan tumpuan pemanduan pengguna jalanraya.

7.3 Tempoh Paparan

- a. Tempoh paparan bagi setiap mesej adalah bergantung kepada lokasi dan saiz iklan di mana tempoh paparan yang lebih lama diperlukan bagi kawasan yang mempunyai had kelajuan yang tinggi seperti lebuhraya dan lebih singkat bagi persekitaran komersil dengan had kelajuan jalan yang lebih rendah.
- b. Kawalan terhadap tempoh paparan iklan LED dicadangkan seperti berikut:

Lokasi	Jenis & Saiz Iklan	Masa	Tempoh Paparan
Menghadap Lebuhraya / Jalan Persekutuan (≥ 90 km/j)	Unipole Billboard	06.00 – 23.00	20 – 30 saat
		23.00 – 06.00	Statik (1 paparan)
Menghadap Jalan Utama, Pengagihan Tempatan (≤ 90 km/j)	Billboard	00.00 – 24.00	15 – 20 saat
	Tiang Lampu	00.00 – 24.00	10 – 15 saat
	Lain-lain		

7.4 Tempoh Peralihan

- a. Masa peralihan setiap mesej hendaklah tidak lebih dari 1 saat untuk mengurangkan kemungkinan pemandu melihat sebarang kekosongan pada skrin paparan.
- b. Sebarang kesan khas seperti fade, zoom atau fly-in dan lain-lain adalah tidak dibenarkan untuk peralihan mesej.

7.5 Kuantiti Maklumat

- a. Penetapan had tertentu kepada kuantiti maklumat yang dibenarkan bergantung kepada jarak penglihatan ke paparan iklan, had laju yang ditetapkan dan tumpuan pemanduan terhadap rekabentuk jalan.
- b. Setiap paparan iklan perlu menghadkan satu nombor telefon atau laman web sahaja.
- c. Penggunaan perkataan atau jenis tulisan hendaklah mudah dibaca dengan menggunakan bentuk dan saiz tulisan yang jelas dan sesuai serta tidak mengelirukan.
- d. Menggunakan perkataan yang mudah dan ringkas dengan tidak melebihi **6 patah perkataan dengan maksimum 40 aksara. Ketinggian huruf adalah minima 120mm.**
- f. Paparan iklan yang mengganggu perhatian pemandu kenderaan dan boleh mendatangkan kekeliruan dengan menggunakan perkataan seperti “BERHENTI”, “BAHAYA” atau apa-apa perkataan, symbol atau warna yang menyerupai mana-mana kandungan papan tanda atau alat kawalan lalulintas yang boleh mengelirukan pengguna jalanraya adalah tidak dibenarkan.

7.6 Penggunaan Warna

Warna latarbelakang paparan iklan yang menyilaukan dan mengelirukan tidak dibenarkan seperti warna merah, oren, kuning dan hijau – warna yang digunakan dalam lampu isyarat.

7.7 Keperluan Paparan Mesej Sivik

Satu slot paparan hendaklah dikhususkan kepada Majlis secara percuma bagi tujuan memaparkan apa-apa mesej sivik dan aktiviti / program kemasyarakatan.

8.0 KAEDAH MEMPROSES PERMOHONAN

Semua permohonan papan iklan hendaklah mendapat kebenaran merancang, kelulusan permit struktur dan lesen iklan / visual dari pihak Majlis.

8.1 Kebenaran Merancang

8.1.1 Tanah Kerajaan (TOL Majlis)

- a. Semua permohonan papan iklan di atas tanah kerajaan dikenakan Kebenaran Merancang bagi papan iklan bersaiz seperti berikut:


1. Unipole (Tinggi x Lebar) 60' x 40' – Vertical 20' x 60'	} Kebenaran Merancang
2. Minipole (Tinggi x Lebar) 40' x 30' – Vertical 10' x 40'	
3. Billboard (Tinggi x Lebar) 30' x 20' – Vertical 10' x 30' - Horizontal	

- a. Permohonan ulasan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perancangan Bandar Majlis beserta borang, pelan dan dokumen-dokumen yang diperlukan serta menjelaskan bayaran-bayaran yang ditetapkan.
- b. Jabatan Perancangan Bandar akan merujuk permohonan ke Jabatan teknikal terlibat untuk ulasan dari segi lalulintas, kesesuaian lokasi, landskap dan sekitar tanah.
- c. Satu laporan dan lawatan tapak akan dijalankan untuk menentukan dan mengesahkan kesesuaian lokasi di tapak.
- d. Jabatan Perancangan Bandar akan membentangkan kertas kerja ulasan tapak dari segi teknikal di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penyewaan Tanah.
- e. Setelah permohonan disokong di dalam Mesyuarat Jawatankuasa kecil Penyewaan, Jabatan Penilaian dan pengurusan Harta Majlis akan memohon kelulusan TOL dari Pejabat Tanah Daerah Petaling bagi pihak Majlis.

- f. Setelah permohonan TOL diluluskan oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis akan mengeluarkan surat tawaran kepada pihak syarikat.
- g. Pihak syarikat dikehendaki memberi maklumbalas penerimaan tawaran dan menjelaskan bayaran “sub-license”, permit struktur binaan, lesen iklan / visual dan apa-apa yang bayaran yang ditetapkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat tawaran diterima.
- h. Setelah mengemukakan surat setuju terima tawaran dan menjelaskan kesemua bayaran-bayaran yang ditetapkan, Majlis akan mengeluarkan surat tawaran kepada pemohon.
- i. Setelah menandatangani perjanjian dengan pihak Majlis, pemohon boleh mengemukakan permohonan pelan pembangunan di MPSJ.
- j. Kebenaran merancang adalah sementara secara dengan anggaran 3 tahun tertakluk kepada kelulusan TOL. Pihak syarikat dikehendaki mengemukakan permohonan memperbaharui kelulusan sebelum tamat tempoh kelulusan atau selewat-lewatnya pada bulan Oktober setiap tahun.

8.1.2 Tanah / Dinding Bangunan Persendirian / Rizab Persekutuan

- a. Semua permohonan papan iklan di atas bangunan, di dinding bangunan, di pagar, di jejambat, tiang atau mana-mana cadangan papan iklan luaran milik persendirian serta rizab-rizab persekutuan yang berukuran 20' x 10' dan ke atas hendaklah mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang dari pihak Majlis.
- b. Semua permohonan papan iklan di atas tanah persendirian dikenakan Kebenaran Merancang bagi papan iklan bersaiz seperti berikut:

- | | | |
|--|---|---------------------|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Unipole (Tinggi x Lebar)
60' x 40' – Vertical
20' x 60' 2. Minipole (Tinggi x Lebar)
40' x 30' – Vertical
10' x 40' 3. Billboard (Tinggi x Lebar)
30' x 20' – Vertical
10' x 30' - Horizontal |  | Kebenaran Merancang |
|--|---|---------------------|

- b. Permohonan hendaklah dikemukakan oleh pemilik tanah / bangunan / pegawai pengawal. Sekiranya melalui syarikat pengiklanan, kebenaran bertulis dari pemilik tanah / bangunan / pegawai pengawal hendaklah disertakan semasa mengemukakan permohonan.
- c. Permohonan hendaklah dikemukakan ke Jabatan OSC Majlis beserta borang, pelan dan dokumen-dokumen yang diperlukan serta menjelaskan bayaran-bayaran yang ditetapkan.
- d. Perlu mendapatkan kelulusan permit struktur bangunan dan lesen iklan / visual.
- e. Kebenaran merancang adalah sementara dengan anggaran kelulusan 3 tahun atau tempoh penyewaan dengan badan pengawal tanah berkaitan. Pihak syarikat dikehendaki mengemukakan permohonan memperbaharui kelulusan sebelum tamat tempoh kelulusan.

8.3 Pematuhan Kepada Syarat-Syarat Kelulusan

- a. Semua permohonan papan iklan hendaklah mendapatkan kelulusan Permit Struktur Binaan dari pihak Majlis.
- b. Semua permohonan papan iklan hendaklah mendapatkan lesen iklan dan kelulusan visual dari pihak Majlis.

8.3 Pematuhan Kepada Syarat-Syarat Kelulusan

- a. Kesemua syarat-syarat Kebenaran Merancang, Permit Struktur dan Lesen Iklan hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Sekiranya syarat-syarat tersebut dilanggar, Majlis berhak membatalkan semua kelulusan dan mengambil semula tapak (bagi tanah kerajaan) dan menguatkuasakan undang-undang dengan meruntuhkan struktur paparan iklan terlibat.
- b. Majlis berhak mengarahkan sesuatu paparan iklan diturunkan, dialihkan atau dipindahkan apabila pihak Majlis berpendapat bahawa paparan iklan tersebut tidak selamat atau tidak sesuai lagi.
- c. Garis panduan ini adalah sebagai rujukan semata-mata dalam membantu Majlis menimbang sesuatu permohonan paparan iklan yang dikemukakan oleh pihak syarikat dan ianya tidak mengikat keputusan sebenar Majlis.
- d. Majlis berhak untuk meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa.